

MCA Sedia Tukar Kerusi Dengan Komponen Parti BN
Bernama
2 Oktober , 2011

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- MCA sedia mempertimbangkan pertukaran kerusi dengan komponen parti Barisan Nasional (BN) dengan syarat calon yang dipertandingkan boleh memberi kemenangan kepada BN dalam pilihan raya akan datang.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek berkata MCA juga tidak mahu mana-mana parti komponen dengan sengaja memohon pertukaran kerusi semata-mata untuk mendapatkan kerusi tambahan.

"Kami akan menyokong mana-mana parti komponen yang mempunyai peluang besar untuk menang," katanya kepada pemberita pada satu sidang media selepas Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-58 di sini.

Terdahulu, dalam ucapan penggulungannya, Dr Chua berkata semangat yang baik di kalangan perwakilan pada perhimpunan ini dapat mewujudkan semangat bersatu padu menjelang pilihan raya akan datang.

"Buat kali pertama Perhimpunan Agung Tahunan MCA tiada seorang wakil yang menyentuh isu dalaman parti atau membuat tuduhan dan teguran terhadap pemimpin. Debat kali ini berkisar kepada persiapan menghadapi pilihan raya.

Sementara itu, Dr Chua berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Kementerian Pelajaran kerana memperuntukkan tanah bagi pembinaan sekolah Cina di Sungai Long dan Kajang Utama, dekat sini.

Beliau turut membidas kerajaan negeri Selangor kerana gagal memenuhi janji pembinaan sekolah Cina berbanding kerajaan BN yang telah memberi tujuh bidang tanah untuk pembinaan sekolah Cina di Selangor.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617179>